BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM

Jilid 38 No. 3

S3

Suku Ketiga 2023

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

3 Sorotan Penting

4 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

5 Perkembangan Ekonomi Malaysia

10 Perkembangan Monetari dan Kewangan

13 Rencana: Daya Tahan Ekonomi Malaysia: Analisis Pascapandemik

21 Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

23 Tinjauan Makroekonomi

25 Tambahan

Sorotan Penting bagi S3 2023

KDNK berkembang sebanyak 3.3%

Apakah faktor yang menyokong pertumbuhan?





Pertumbuhan berterusan dalam perbelanjaan isi rumah
Penggunaan Swasta: 4.6% (S2 2023: 4.3%)



Kemasukan pelancong yang terus pulih
Eksport Perkhidmatan: 21.2% (S2 2023: 41.4%)



Aktiviti pembinaan yang lebih giat
Nilai Tambah Kejuruteraan Awam: 14.6% (S2 2023: 10.0%)

Inflasi keseluruhan menurun kepada 2.0%

Apakah faktor utama yang mempengaruhi inflasi?





Inflasi makanan yang lebih rendah
Inflasi makanan dan minuman bukan alkohol: 4.1% (S2 2023: 5.6%)



Inflasi bahan api yang lebih rendah
Inflasi bahan api: -2.9% (S2 2023: -2.5%)

Pasaran pekerja terus bertambah baik



Kadar Pengangguran
3.4%
(S2 2023: 3.5%)



Upah Benar
1.4%
(S2 2023: 1.0%)

Ringgit menurun nilai berbanding dengan dolar AS



MYR/USD
-0.2%
(S2 2023: -5.8%)



Indeks Dolar AS
3.2%
(S2 2023: 0.4%)

Rencana: Daya Tahan Ekonomi Malaysia: Analisis Pascapandemik



Daya tahan ekonomi Malaysia telah membolehkan pemulihan yang teguh daripada krisis COVID-19 dan mengimbangi kesan daripada rintangan luaran

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan global sederhana pada S3 2023

KDNK Ekonomi Terpilih
Perubahan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

Perdagangan terus menguncup dengan tanda-tanda tentatif akan bertambah baik

Eksport Ekonomi Terpilih dalam Dolar AS
Perubahan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

Sorotan

- **Pertumbuhan ekonomi global sederhana.** Walaupun permintaan berdaya tahan, pertumbuhan terjejas oleh inflasi yang tinggi dan kadar faedah yang lebih tinggi.
- **Terdapat tanda-tanda awal pertumbuhan China semakin baik,** dengan penggunaan yang lebih tinggi meskipun pasaran harta tanah terjejas.
- **Perdagangan menunjukkan tanda-tanda pemulihan.** Sektor elektrik dan elektronik (electrical and electronics, E&E) mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan namun perdagangan global terus lemah. Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh peralihan perbelanjaan daripada barangan kepada perkhidmatan dan sekatan perdagangan yang berterusan.
- **Inflasi keseluruhan meningkat sedikit meskipun sementara, manakala inflasi teras terus berkurang.** Inflasi keseluruhan meningkat sebahagiannya disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi
- **Harga minyak mentah Brent meningkat** kepada USD87 setong pada S3 2023 (S2 2023: USD78 setong) berikutan pengurangan pengeluaran minyak secara unilateral oleh Arab Saudi.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Keluaran Dalam Negeri Kasar

KDNK meningkat sebanyak 3.3% pada S3 2023

Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi meningkat sebanyak 2.6%

Perubahan suku tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S3 2023?

- Permintaan dalam negeri yang berkembang
- Keadaan pasaran pekerja yang terus bertambah baik
- Aktiviti pelancongan yang terus pulih
- Aktiviti pembinaan yang lebih giat

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pada S3 2023?

- Permintaan luaran yang lebih lemah menjejaskan pengeluaran dan eksport barangan
- Pengeluaran perlombongan yang lebih rendah

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Prestasi Ekonomi Malaysia

Permintaan dalam negeri yang mampan

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta

4.6%
(S2 2023: 4.3%)

Perbelanjaan keperluan dan perbelanjaan budi bicara yang bertambah baik oleh isi rumah

Pelaburan Swasta

4.5%
(S2 2023: 5.1%)

Pengembangan kapasiti yang berterusan oleh perniagaan

Penggunaan Awam

5.8%
(S2 2023: 3.8%)

Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan oleh Kerajaan yang lebih tinggi

Pelaburan Awam

7.5%
(S2 2023: 7.9%)

Perbelanjaan aset tetap oleh Kerajaan dan perbelanjaan modal oleh syarikat awam yang berterusan

Eksport Bersih

-22.7%
(S2 2023: -3.7%)

Permintaan luaran yang lebih lemah bagi eksport barangan

Pertumbuhan disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembinaan

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan

5.0%
(S2 2023: 4.7%)

Perkhidmatan berkaitan pengguna dan perniagaan bertambah baik

Perkilangan

-0.1%
(S2 2023: 0.1%)

Penyusutan industri E&E berikutan kitaran menurun teknologi dan pengeluaran produk petroleum bertapis yang lebih rendah

Pembinaan

7.2%
(S2 2023: 6.2%)

Sokongan yang lebih tinggi daripada projek infrastruktur besar dan projek berskala kecil yang terus dilaksanakan

Perlombongan

-0.1%
(S2 2023: -2.3%)

Pengeluaran gas asli yang terus menurun

Pertanian

0.8%
(S2 2023: -1.0%)

Pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi berikutan keadaan cuaca yang baik dan isu kekurangan pekerja yang semakin pulih

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja terus bertambah baik

- Kadar pengangguran terus menurun kepada 3.4% pada suku ketiga tahun 2023 (S2 2023: 3.5%).
- Guna tenaga bertambah baik kepada 16.25 juta orang pada suku ketiga tahun 2023 (S2 2023: 16.15 juta orang) berikutan permintaan pekerja yang berterusan.
- Bekalan pekerja kekal kukuh apabila kadar penyertaan tenaga kerja meningkat ke paras tertinggi yang pernah dicatatkan iaitu 70.1% pada suku ketiga tahun 2023 (S2 2023: 70.0%).

Kadar pengangguran yang lebih rendah

Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Upah sektor swasta terus meningkat

Upah sektor swasta, Perubahan tahunan, %



Upah nominal mengikut sektor, Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Trend penurunan inflasi berterusan berikutan persekitaran kos yang mereda

Inflasi teras terus menurun kepada 2.5% pada suku ketiga

Perubahan tahunan, %

- *Inflasi teras kekal pada paras tinggi berbanding tahap purata jangka panjang walaupun menurun*



Item Perkhidmatan Teras Terpilih

Makanan di luar rumah	**6.0%** (S2 2023: 7.7%)
Perbelanjaan di restoran dan kafe	**4.6%** (S2 2023: 6.3%)
Pembaikan dan penyelenggaraan pengangkutan persendirian	**6.7%** (S2 2023: 9.5%)

Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi semakin kurang meluas

Bahagian item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan, %

- *Bilangan item yang merekodkan kenaikan harga dari bulan-ke-bulan berkurang sejak Ogos.*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Pertumbuhan eksport dan import lebih perlahan



Eksport kasar

-15.2% **(S2 2023: -11.1%)**

Permintaan luaran yang lebih lemah bagi barangan serta harga komoditi yang lebih rendah

Import kasar

-16.3% **(S2 2023: -11.5%)**

Import barangan pengantara yang lebih lemah berikutan penurunan eksport perkilangan

Lebihan akaun semasa serta aliran masuk dalam akaun kewangan yang berterusan



Akaun Semasa

RM9.1 bilion; 2.0% daripada KDNK

(S2 2023: RM9.1 bilion; 2.1% daripada KDNK)

Faktor yang mendorong:

- Lebihan barangan lebih tinggi.
- Defisit perkhidmatan yang lebih kecil mencerminkan pendapatan daripada perjalanan yang lebih tinggi.

Yang mengimbangi:

- Defisit pendapatan primer yang lebih tinggi didorong terutamanya oleh pendapatan pelaburan yang lebih tinggi kepada pelabur asing di Malaysia.



Akaun Kewangan

Aliran masuk bersih RM14.9 bilion

(S2 2023: Aliran keluar bersih RM11.6 bilion)

Faktor yang mendorong:

- Aliran masuk bersih dalam pelaburan lain, didorong terutamanya oleh pinjaman antara bank yang lebih tinggi oleh bank-bank pemastautin.

Yang mengimbangi:

- Aliran keluar bersih dalam pelaburan portfolio disebabkan oleh pelaburan pemastautin yang lebih tinggi dalam sekuriti ekuiti dan hutang di luar negara.
- Aliran keluar bersih dalam pelaburan langsung disebabkan oleh pelaburan langsung luar negeri (DIA) yang lebih tinggi, mengimbangi pelaburan langsung asing (FDI).

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri meningkat sedikit RM1.25 trilion atau 69.0% daripada KDNK

(S2 2023: RM1.21 trilion atau 67.1% daripada KDNK)

- Pinjaman antara bank yang lebih tinggi untuk menampung tempoh matang dan pengeluaran deposit serta keperluan pembiayaan.
- Peminjaman yang lebih tinggi oleh syarikat korporat terutamanya dalam bentuk pinjaman antara syarikat.

Hutang luar negeri kekal terurus

% daripada jumlah hutang luar negeri

MATA WANG

Dalam denominasi ringgit: 32.7%
Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit

Dalam denominasi FCY: 67.3%
yang 66.6% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 16.1% merupakan pinjaman antara syarikat berkaitan

TEMPOH MATANG

Sederhana dan jangka panjang: 57.7%
Risiko pelanjutan terhad

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa

RM94.9 bilion (S2 2023: RM160.9 bilion)

Rizab Antarabangsa* USD108.5 bilion

- **5.3 bulan**** import barangan dan perkhidmatan.
- **1.0 kali**** hutang luar negeri jangka pendek.

* Pada 31 Oktober 2023.

** Paras ini mungkin berbeza daripada paras yang dinyatakan dalam siaran akhbar mengenai rizab antarabangsa yang disiarkan pada 7 November 2023 kerana mencerminkan data terkini S3 2023 berhubung dengan import barangan dan perkhidmatan serta hutang luar negeri jangka pendek.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Ringgit menurun nilai berbanding dolar AS namun meningkat dari segi kadar pertukaran efektif

Penurunan nilai ringgit selaras dengan rakan dagangan utama berikutan nilai dolar AS yang terus kukuh

Prestasi Indeks Dolar AS dan Mata Wang Serantau berbanding Dolar AS, % Suku Tahunan



Nilai ringgit meningkat berbanding dengan rakan-rakan dagangan utama

NEER +1.4%
(2Q 2023: -3.2%)

Nota: NEER merujuk kepada kadar pertukaran efektif nominal
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Perkembangan pasaran kewangan domestik sebahagian besarnya didorong oleh landasan dasar monetari global

Kadar hasil bon meningkat

selaras dengan negara serantau disebabkan jangkaan dasar monetari AS yang lebih ketat

Kadar hasil MGS 10 tahun +12 mata asas
(S2 2023: -6 mata asas)

Pasaran ekuiti meningkat

kerana pelancaran pelan induk nasional yang meningkatkan potensi pendapatan

KLCI +3.4% suku tahun ke suku tahun
(S2 2023: -3.2%)

Faktor-faktor utama

Unjuran bahawa dasar monetari AS terus ketat menjelang tahun 2024 berikutan anggaran pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi oleh Federal Reserve AS, yang menyebabkan kadar hasil bon global yang lebih tinggi

Perkembangan ekonomi China yang lebih perlahan daripada jangkaan yang menyebabkan People's Bank of China terus melonggarkan dasar monetari dan menjejaskan sentimen pelabur terhadap rantau ini

Sumber: Bank Negara Malaysia, ETP dan Bursa Malaysia

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar antara bank meningkat sementara kadar deposit tetap menurun pada suku ketiga

Kadar faedah (pada akhir tempoh), %



- **Kadar antara bank, seperti yang dicerminkan oleh KLIBOR 3 Bulan,** meningkat apabila bank-bank lebih aktif berurus niaga untuk membiayai kedudukan kewangan mereka serta mengambil langkah-langkah awalan bagi menambah baik kedudukan mudah tunai sebagai persediaan menghadapi kemungkinan berlakunya persaingan deposit pada akhir tahun. Peningkatan jumlah dagangan antara bank mencerminkan pengantaraan mudah tunai dan penentuan harga yang lebih cekap dalam pasaran.
- **Kadar deposit tetap (FD) menurun** antara 1 hingga 14 mata asas bagi tempoh 1 hingga 12 bulan, mencerminkan strategi pembiayaan bank-bank untuk menguruskan kos dana.
- **Kadar pinjaman purata (ALR) bagi pinjaman terkumpul pada amnya kekal stabil** pada suku tersebut.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Mudah tunai sistem perbankan mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan

Mudah tunai ringgit terkumpul di BNM (pada akhir tempoh), RM bilion



- **Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi** pada peringkat institusi dan seluruh sistem.
- Pada suku ketiga, BNM menerbitkan Bil Antara Bank BNM (Bank Negara Interbank Bills, BNIB)[1] berjangka untuk meningkatkan kecekapan pengurusan mudah tunai semalaman oleh bank-bank serta menggalakkan peningkatan perdagangan dan penentuan harga yang lebih baik dalam pasaran antara bank.

[1] BNIB ialah instrumen kewangan yang diterbitkan oleh BNM untuk menguruskan mudah tunai dalam pasaran wang antara bank. Maklumat lanjut mengenai BNIB boleh didapati menerusi laman sesawang Sistem Automatik Sepenuhnya untuk Terbitan/Tender (FAST) BNM.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit bertambah baik susulan pertumbuhan pinjaman perniagaan yang lebih tinggi

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]



[1] Terdiri daripada bon korporat terkumpul serta pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan isi rumah.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan
4.2%[2]
(S2 2023: 3.7%)

- Pinjaman terkumpul[3] meningkat sebanyak 4.0% (S2 2023: 3.4%), disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman perniagaan.
- Pertumbuhan bon korporat terkumpul kekal mampan pada 5.0% (S2 2023: 4.9%).

Pinjaman Perniagaan
1.6%
(S2 2023: 0.5%)

- Pertumbuhan yang lebih tinggi didorong terutamanya oleh pinjaman modal kerja kepada bukan PKS.
- Pertumbuhan pinjaman berkaitan pelaburan[4] kekal mampan, disokong terutamanya oleh PKS.
- Yang penting, pertumbuhan pinjaman terkumpul bagi PKS juga terus menggalakkan (6.7%; S2 2023: 6.4%).

Pinjaman Isi Rumah
5.4%
(S2 2023: 5.1%)

- Pertumbuhan pinjaman terkumpul terus mampan merentas tujuan pinjaman utama.
- Hal ini mencerminkan peningkatan dalam permintaan pinjaman sepanjang suku tersebut, seperti yang diperhatikan melalui pertumbuhan permohonan pinjaman yang lebih tinggi (4.1%; S2 2023: 2.5%).

[2] Semua angka adalah dalam bentuk perubahan tahunan.
[3] Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[4] Terdiri daripada pinjaman bagi tujuan pembelian harta tanah bukan kediaman, harta tanah kediaman untuk kegunaan perniagaan, aset tetap dan pembinaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rencana

Daya Tahan Ekonomi Malaysia: Analisis Pascapandemik

Sorotan

- Pemulihan diterajui oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan.
- Eksport Malaysia yang pelbagai dan sektor pelancongan yang kembali pulih telah menyumbang kepada daya tahan perdagangan negara.
- Pasaran pekerja yang bertambah baik menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan, terutamanya bagi kepada segmen yang mudah terjejas.
- Asas ekonomi yang teguh telah membolehkan negara menghadapi keadaan permintaan luaran yang lembap.

Setakat S2 2023, pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, KDNK Malaysia telah melebihi tahap sebelum pandemik sebanyak lebih 10%

Rajah 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar Malaysia
Tahap terlaras secara bermusim, RM bilion



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Pandemik COVID-19 merupakan kejutan paling teruk yang melanda ekonomi Malaysia sejak Krisis Kewangan Asia. Dalam persekitaran global dan domestik yang sangat mencabar, Malaysia terjejas secara meluas dari segi eksport, pengeluaran dan permintaan dalam negeri pada tahun 2020. Faktor-faktor ini menyebabkan kehilangan pendapatan yang ketara serta pengurangan perbelanjaan isi rumah dan perniagaan.

Sejak itu, ekonomi Malaysia telah pulih dengan ketara daripada pandemik COVID-19 (Rajah 1). Rencana ini menilai daya tahan ekonomi Malaysia pascapandemik serta kemajuan pemulihan sektor-sektor utama. Di samping itu, rencana ini bertujuan untuk menghuraikan tentang daya tahan eksport Malaysia, termasuk pemulihan dalam sektor pelancongan. Rencana ini memberikan analisis mengenai pasaran pekerja yang bertambah baik dan peranannya dalam menyokong pendapatan dan perbelanjaan. Rencana ini kemudiannya menggariskan faktor-faktor asas yang mengukuhkan daya tahan ekonomi Malaysia dalam menghadapi ketidakpastian dan rintangan luaran yang sedang berlaku.

Rencana

Daya Tahan Ekonomi Malaysia: Analisis Pascapandemik

Pemulihan diterajui oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan

Pandemik COVID-19 telah mengehadkan kegiatan ekonomi dan menjejaskan pengeluaran sektoral dengan teruk menerusi kejutan penawaran dan permintaan. Apabila kejutan ini reda, ekonomi beransur-ansur pulih, didorong terutamanya oleh sektor perkilangan dan beberapa subsektor perkhidmatan utama.

Sektor perkilangan menerajui pemulihan ekonomi dan kembali pulih seawal suku ketiga tahun 2020 (Rajah 2). Permintaan global untuk peralatan semikonduktor dalam telekomunikasi, peranti perubatan dan pengkomputeran awan melonjak semasa pandemik. Hal ini menguntungkan industri E&E Malaysia kerana kedudukan negara ini yang sangat bersepadu dalam rantaian nilai global bagi segmen-segmen ini serta mempunyai ekosistem domestik yang kukuh untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Tambahan lagi, kelompok berkaitan sumber memperoleh manfaat daripada permintaan yang disebabkan oleh pandemik bagi produk berkaitan kesihatan (contohnya, sarung tangan getah dan farmaseutikal), manakala kelompok berkaitan pengguna disokong oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah dalam negeri, seperti makanan & minuman serta kereta penumpang, terutamanya susulan pembukaan semula ekonomi.

Apabila ekonomi global menjadi perlahan pada tahun 2023, aktiviti perkilangan turut menjadi sederhana, terutamanya dalam industri berorientasikan eksport. Walau bagaimanapun, sektor ini terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, melebihi paras sebelum pandemik.

Sektor perkilangan menerajui pemulihan Malaysia dan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada tempoh selepas pandemik

Rajah 2: Nilai Tambah Perkilangan Malaysia
Tahap terlaras secara bermusim (S4 2019=100)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran BNM

Rencana

Daya Tahan Ekonomi Malaysia: Analisis Pascapandemik

Sektor perkhidmatan kembali pulih, manakala sektor-sektor lain menghadapi pemulihan yang tidak sekata dan kejutan idiosinkratik selepas pandemik

Rajah 3: Sektor/Aktiviti dengan Pemulihan Tidak Sekata (S2 2023)
Tahap KDNK terlaras secara bermusim (S4 2019=100)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran BNM

Dalam sektor perkhidmatan, kadar pemulihan meningkat susulan penamatan sepenuhnya langkah pembendungan dalam negeri dan pembukaan semula sempadan antarabangsa pada bulan April 2022. Hal ini juga disokong oleh langkah-langkah dasar seperti dasar monetari yang akomodatif, pindahan tunai serta pengeluaran dana persaraan. Peningkatan perbelanjaan dalam negeri telah mendorong aktiviti perkhidmatan yang berhubung rapat dengan pelanggan (contohnya, runcit, makan di luar, dan aktiviti rekreasi). Tambahan lagi, pertumbuhan dalam perkhidmatan penghantaran dan e-dagang menyebabkan aktiviti perdagangan runcit dalam talian lebih tinggi[1]. Namun demikian, perkhidmatan makanan dan minuman serta penginapan masih di bawah tahap sebelum pandemik (Rajah 3), dikekang oleh pemulihan sektor pelancongan yang lebih beransur-ansur.

Beberapa sektor mengalami pemulihan yang tidak sekata dan menghadapi kejutan idiosinkratik, menimbulkan keperluan tempoh yang lebih lama untuk kembali ke tahap sebelum pandemik. Meskipun sektor pertanian memberikan sokongan pada peringkat awal pemulihan, pengeluaran pada tahun 2023 terjejas akibat keadaan cuaca buruk. Aktiviti sektor perlombongan adalah menggalakkan namun kekal di bawah tahap sebelum pandemik. Keadaan ini disebabkan oleh aktiviti penyenggaraan dan kekangan pengeluaran yang berpunca daripada medan minyak yang semakin matang.

Sementara itu, pemulihan dalam sektor pembinaan adalah lebih perlahan, terutamanya dalam subsektor kediaman dan kejuruteraan awam. Hal ini disebabkan oleh kos bahan binaan yang meningkat dan isu kekurangan pekerja yang berlarutan. Isu-isu struktur yang sedia ada turut memberikan kesan seperti harta tanah yang siap dibina tetapi tidak terjual dan ketidakpadanan antara bekalan dengan permintaan perumahan.

Pada masa hadapan, kebanyakan sektor ekonomi akan terus menyokong pertumbuhan. Sektor perkilangan dijangka terus berkembang berikutan permintaan luaran yang bertambah baik dan peningkatan kitaran teknologi global. Sektor perkhidmatan akan mendapat manfaat daripada pertumbuhan perbelanjaan pengguna dan pemulihan pelancongan yang berterusan. Tambahan lagi, kemajuan projek infrastruktur, termasuk inisiatif pemangkin melalui pelbagai pelan nasional, akan menyokong pemulihan berterusan dalam sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, pemulihan penuh dalam sektor komoditi mungkin tertangguh akibat kekangan khusus mengikut sektor[2].

[1] Aktiviti perdagangan runcit dalam talian meningkat sebanyak 19.8% pada tahun 2022 (2019: 13.8%). Peningkatan ini disokong oleh pilihan pengguna dalam talian yang lebih kukuh, peluasan jangkauan pasaran dalam talian dan strategi pemasaran.

[2] Pada tahun 2024, pertumbuhan sektor perlombongan akan dikekang oleh isu-isu pengeluaran berkaitan dengan medan minyak dan gas yang semakin matang manakala sektor pertanian akan dipengaruhi oleh cuaca kering melampau yang dikaitkan dengan fenomena El-Nino.

Rencana

Daya Tahan Ekonomi Malaysia: Analisis Pascapandemik

Eksport Malaysia yang pelbagai dan sektor pelancongan yang kembali pulih telah menyumbang kepada daya tahan perdagangan negara

Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, Malaysia tidak terlepas daripada kejutan yang besar terhadap perdagangan global akibat pandemik. Pada suku kedua tahun 2020, eksport negara mencatatkan kemerosotan yang paling mendadak sejak Krisis Kewangan Global.

Walau bagaimanapun, apabila ekonomi global beransur-ansur bertambah baik, eksport Malaysia meraih manfaat yang ketara, lantas menjadi salah satu pemacu utama pertumbuhan khususnya pada tahun 2021 dan 2022. Beberapa produk mencatatkan pertumbuhan luar biasa disebabkan oleh permintaan luaran yang kukuh. Sebagai contoh, produk E&E yang mencakupi lebih satu pertiga daripada jumlah eksport, meningkat dengan ketara berikutan penggunaan teknologi yang semakin pantas di seluruh dunia. Eksport bukan E&E juga bertambah baik, seperti produk petroleum dan produk minyak sawit (19% daripada jumlah eksport pada tahun 2022).

Susulan pemulihan kukuh pada tahun 2022, eksport Malaysia menurun pada tahun 2023 setakat ini dipengaruhi oleh perdagangan global yang lembap. Hal ini mencerminkan permintaan yang lemah daripada rakan perdagangan utama, peralihan perbelanjaan daripada barangan kepada perkhidmatan serta kitaran penurunan teknologi global. Namun demikian, eksport benar Malaysia terus melebihi tahap sebelum pandemik (Rajah 4). Daya tahan eksport mencerminkan keupayaan negara untuk menghadapi rintangan luaran menerusi eksport yang amat pelbagai dari segi produk dan destinasi.

Eksport Malaysia dijangka beransur-ansur bertambah baik pada tahun 2024. Penambahbaikan ini akan didorong oleh perdagangan global yang meningkat dan permintaan yang lebih tinggi terhadap produk E&E, sejajar dengan jangkaan bahawa kitaran teknologi global akan pulih. Tambahan lagi, sektor pelancongan yang terus bertambah baik akan meningkatkan lagi eksport secara keseluruhan.

Meskipun rintangan luar terus berlaku, eksport benar Malaysia pada tahun 2023 kekal berdaya tahan melebihi tahap sebelum pandemik

Rajah 4: Prestasi Eksport Benar Malaysia
RM bilion



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rencana

Daya Tahan Ekonomi Malaysia: Analisis Pascapandemik

Ketibaan pelancong di Malaysia telah mencecah kira-kira 70% berbanding dengan tahap sebelum pandemik setakat separuh pertama tahun 2023

Rajah 5: Ketibaan Pelancong di Malaysia Mengikut Negara Asal (ST1 2023)
% ST1 2019, Juta orang



Nota: Nombor dalam carta bar menunjukkan peratusan pemulihan berbanding ST1 2019, manakala dalam kurungan merujuk bilangan ketibaan sebenar.

Sumber: Tourism Malaysia dan anggaran BNM

Perbelanjaan pelancong di Malaysia telah melebihi tahap purata sebelum pandemik menjelang suku kedua tahun 2023

Rajah 6: Perbelanjaan Pelancong per Kapita di Malaysia
RM



Nota: Perbelanjaan per kapita dianggarkan dengan membahagikan pendapatan daripada perjalanan di Malaysia bagi suku tahunan tersebut dengan jumlah ketibaan pelancong.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran BNM

Industri pelancongan Malaysia merupakan salah satu industri yang paling terjejas akibat pandemik. Apabila sempadan antarabangsa dibuka semula dan perjalanan ke luar negara disambung semula, industri pelancongan Malaysia terus bertambah baik. Pada tahun 2022, industri pelancongan menyumbang 14% daripada KDNK (2021: 12.8%; 2019: 15.9%) manakala pendapatan daripada perjalanan mencakupi 2.1% daripada eksport nominal (2021: 0.03%; 2019: 8.3%).

Setakat separuh pertama tahun 2023, ketibaan pelancong mencapai kira-kira 70% daripada tahap sebelum pandemik (Rajah 5). Keadaan ini didorong terutamanya oleh pelancong serantau dari Singapura, Indonesia, dan Thailand. Malaysia juga mendapat manfaat daripada perjalanan warga China ke luar negara, susulan penamatan sekatan COVID-19[3] di negara itu. Tambahan lagi, pada suku kedua tahun 2023, perbelanjaan per kapita oleh pelancong asing telah melebihi tahap sebelum pandemik (Rajah 6). Yang penting, pengunjung dari China berbelanja lebih banyak untuk pengalaman berbanding dengan barangan[4]. Ketibaan dan perbelanjaan pelancong yang semakin pulih telah menyokong pekerjaan dan pendapatan dalam industri itu. Walau bagaimanapun, kesan terhadap ekonomi secara keseluruhan juga sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan bilangan rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara[5].

Pada suku-suku tahun akan datang, ketibaan pelancong dijangka terus meningkat. Hal ini akan disokong oleh permintaan terhadap perjalanan antarabangsa yang lebih banyak serta peningkatan kapasiti penerbangan untuk memenuhi permintaan yang lebih tinggi.

---

[3] Aktiviti pelancongan ke luar negara oleh warga China pulih secara beransur-ansur, sebahagiannya disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih berhati-hati dalam kalangan pelancong China berikutan pertumbuhan ekonomi negara mereka yang semakin perlahan.

[4] Berdasarkan Travel Industry Trend 2023 yang diterbitkan oleh Mastercard Economic Institute. Data setakat bulan Mac 2023 menunjukkan pelancong China berbelanja lebih banyak berbanding pada tahun 2019 (105% berbanding dengan tahap pada tahun 2019) untuk pengalaman, dengan perbelanjaan yang berkurang untuk barangan (70% berbanding dengan tahap pada tahun 2019).

[5] Pada separuh pertama tahun 2023, Malaysia mencatatkan pendapatan bersih daripada perjalanan sebanyak RM5.1 bilion (purata 2015-2019: RM30.4 bilion) apabila pendapatan daripada perjalanan daripada pelancong asing sebanyak RM28.6 bilion (purata 2015-2019: RM76.8 bilion) sebahagiannya diimbangi oleh bayaran perjalanan rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara sebanyak RM23.5 bilion (purata 2015-2019: RM46.4 bilion).

Rencana

Daya Tahan Ekonomi Malaysia: Analisis Pascapandemik

Pasaran pekerja yang bertambah baik menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan, terutamanya kepada segmen mudah terjejas

Pandemik yang tercetus mempengaruhi tahap guna tenaga dan pendapatan dengan ketara. Pekerja dalam sektor tidak formal adalah yang paling terjejas, termasuk wanita dan belia yang mengalami peningkatan kadar pengangguran yang lebih ketara[6] (Rajah 7). Sementara itu, kesan negatif tehadap pekerja dalam guna tenaga formal kurang ketara kerana syarikat-syarikat masih dapat beroperasi melalui pengaturan kerja yang fleksibel dan penggunaan teknologi. Kebanyakan syarikat[7] juga memilih untuk mengekalkan bilangan pekerja kerana pemberhentian pekerja boleh menyebabkan kos mencari pekerja dan kos latihan semula yang lebih tinggi apabila ekonomi kembali pulih. Tambahan lagi, syarikat dan pekerja turut disokong melalui dasar-dasar seperti Program Pengekalan Pekerjaan dan Program Subsidi Upah.

Berikutan penamatan sekatan ke atas kegiatan ekonomi pada tahun 2022, tahap guna tenaga mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 2.8% (purata 2016-2019: 1.7%). Hal ini sebahagiannya didorong oleh lonjakan bilangan individu bekerja sendiri[8] (Rajah 8) kerana ekonomi gig berfungsi sebagai jaringan keselamatan sosioekonomi bagi golongan yang hilang pekerjaan, lantas menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan daya tahan kedudukan kewangan isi rumah. Berdasarkan anggaran kebangsaan[9], guna tenaga sektor tidak formal meningkat daripada 1.3 juta pada tahun 2019 kepada 2 juta pada tahun 2021.

[6] Hal ini bertambah teruk disebabkan oleh potensi isu struktur seperti penyertaan tenaga kerja yang rendah bagi segmen wanita dan kemahiran yang tidak sepadan dengan pekerjaan bagi segmen belia.

[7] Tinjauan Ekonomi Wilayah oleh BNM menunjukkan bahawa lebih separuh daripada syarikat yang ditinjau akan mengurangkan gaji pekerja atau mengurangkan waktu bekerja, dengan sebahagian kecil memilih untuk mengurangkan bilangan pekerja.

[8] Individu bekerja sendiri ditakrifkan sebagai individu yang menjalankan pertanian, perniagaan atau perdagangan tanpa menggajikan sebarang pekerja dalam urusan pertanian, perniagaan atau perdagangan (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia). Pekerja gig diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada individu bekerja sendiri.

[9] Laporan Survei Guna Tenaga Sektor Informal 2019 dan Statistik Sektor Informal dan Pekerjaan Informal Malaysia 2021 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pandemik telah memberikan kesan kepada segmen mudah terjejas dalam pasaran pekerja secara tidak sekata, khususnya golongan wanita dan belia

Rajah 7: Kadar Pengangguran Belia (25-34) dan Wanita

%



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan guna tenaga didorong oleh perkembangan sektor formal dan sebahagiannya oleh lonjakan bilangan individu bekerja sendiri

Rajah 8: Kadar Pertumbuhan Pekerjaan Mengikut Jenis

Perubahan tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rencana

Daya Tahan Ekonomi Malaysia: Analisis Pascapandemik

Seiring dengan pemulihan guna tenaga, pendapatan, seperti yang diukur melalui pampasan pekerja (*compensation of employees,* COE), mencatatkan pemulihan yang kukuh daripada -3% pada tahun 2020 untuk meningkat sebanyak 6.5% pada tahun 2022 (purata 2015-2019: 7%) (Rajah 9)[10]. Selain COE, individu bekerja sendiri, yang mencakupi 18.4% daripada jumlah individu bekerja pada suku kedua tahun 2023 (S4 2019: 17%), juga dapat menjana pendapatan dengan cara bekerja sendiri dan menerusi ekonomi gig.

Kadar penyertaan tenaga buruh juga telah meningkat melebihi tahap sebelum pandemik, mencapai paras tertinggi yang pernah dicatatkan iaitu sebanyak 70% daripada populasi usia bekerja setakat suku kedua tahun 2023 (Rajah 10).

Pada masa hadapan, pertumbuhan guna tenaga dan pendapatan dijangka kekal berdaya tahan sepanjang tahun 2024 berikutan kegiatan ekonomi yang terus berkembang.

[10] Bagi tahap upah, upah sektor swasta kembali pulih daripada -2.5% pada tahun 2020 kepada 6.7% pada tahun 2022 (Perkhidmatan – 2020: -3.3%, 2022: 7.5%; Perkilangan – 2020: -1.1%, 2022: 5.2%)

Pendapatan pekerja dalam pekerjaan formal pulih dengan kukuh selepas pandemik, menghampiri purata jangka panjangnya

Rajah 9: Pampasan Pekerja
% pertumbuhan tahun ke tahun



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penyertaan tenaga buruh mencapai tahap tertinggi yang pernah dicatatkan

Rajah 10: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
% bilangan penduduk umur bekerja



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Rencana

Daya Tahan Ekonomi Malaysia: Analisis Pascapandemik

Asas ekonomi yang teguh telah membolehkan negara menghadapi permintaan luaran yang lembap

Pemulihan ekonomi merupakan ujian ke atas asas-asas negara kita. Ekonomi Malaysia telah menunjukkan ketangkasan dalam menghadapi landskap baharu pascapandemik. Dari segi komposisi ekonomi, Malaysia terus meraih manfaat daripada ekonomi yang sangat pelbagai, disokong oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan. Hal ini dapat terus diperkukuh melalui pembangunan industri bernilai tambah tinggi dan penggunaan teknologi yang lebih meluas, mengurangkan kelemahan terhadap kemerosotan industri yang khusus dan memanfaatkan kelebihan perbandingan negara.

Dalam keadaan permintaan luaran yang lebih sederhana pada tahun 2023, eksport Malaysia telah berkurang, selaras dengan negara-negara serantau. Walau bagaimanapun, eksport kekal berdaya tahan relatif kepada tahap sebelum pandemik. Tambahan lagi, pasaran pekerja kekal kukuh, lantas menyokong pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga. Hal ini telah menyokong daya tahan permintaan dalam negeri, di samping pemulihan dalam sektor berkaitan pelancongan dan pelaksanaan projek pelaburan berbilang tahun.

Dalam semua keadaan ini, sektor kewangan Malaysia telah memainkan peranan penting dalam menyokong perniagaan dan isi rumah, termasuk menyediakan bantuan bayaran balik pinjaman dan bantuan kewangan. Sektor kewangan negara yang kukuh akan terus menyokong ekonomi dalam menghadapi kejutan ekonomi pada masa hadapan.

KESIMPULAN

Kejutan pandemik COVID-19 dan pemulihan susulan daripada kejutan tersebut telah memberikan pengajaran dasar yang berharga mengenai daya tahan ekonomi. Kepelbagaian ekonomi telah menyumbang kepada pemulihan pertumbuhan negara. Pada masa hadapan, pelan-pelan induk negara baru-baru ini seperti Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Pelan Induk Perindustrian Baru (National Industrial Master Plan, NIMP) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR) telah menggariskan hala tuju ekonomi yang seterusnya. Pelaksanaan strategi dan pembaharuan yang tepat pada masanya melalui pelan-pelan induk ini dijangka dapat menetapkan asas yang kukuh bagi prospek masa hadapan Malaysia.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

Sorotan mesyuarat MPC bulan November

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% pada mesyuarat MPC bulan November 2023.
- MPC kekal berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.



Dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi

MPC membuat keputusan untuk mengekalkan OPR pada 3.00% sepanjang suku ketiga tahun 2023 dalam mesyuarat MPC bulan September dan November 2023.

Pada mesyuarat bulan November baru-baru ini, MPC menilai bahawa ekonomi global terus berkembang, didorong oleh permintaan dalam negeri berikutan keadaan pasaran pekerja yang teguh. Sektor elektrik dan elektronik (*electrical and electronics,* E&E) mula menunjukkan beberapa tanda pemulihan, namun perdagangan global terus lemah sebahagiannya disebabkan oleh peralihan perbelanjaan daripada barangan kepada perkhidmatan dan sekatan perdagangan yang berterusan. Pertumbuhan global terus terjejas disebabkan oleh inflasi yang masih tinggi dan kadar faedah yang lebih tinggi, dengan beberapa ekonomi utama mengalami momentum pertumbuhan yang semakin perlahan.

Terdapat tanda-tanda awal yang menunjukkan pertumbuhan China semakin baik meskipun pasaran harta tanahnya terus lemah. Inflasi keseluruhan global meningkat sedikit sebahagiannya disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi, manakala inflasi teras terus sederhana. Pendirian dasar monetari oleh kebanyakan bank pusat dijangka kekal ketat. Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan, disebabkan terutamanya oleh inflasi sebenar yang lebih tinggi daripada jangkaan, ketegangan geopolitik yang semakin meruncing dan keadaan pasaran kewangan yang menjadi ketat secara mendadak.

Setakat pada mesyuarat MPC bulan November, anggaran awal KDNK telah menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi dalam negeri bertambah baik pada suku ketiga. MPC menilai bahawa pertumbuhan pada tahun 2024 akan didorong terutamanya oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan, dengan sokongan daripada eksport E&E yang dijangka pulih. Pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan kekal menyokong perbelanjaan isi rumah. Ketibaan dan perbelanjaan pelancong dijangka terus meningkat. Aktiviti pelaburan akan disokong oleh projek infrastruktur berbilang tahun yang terus dilaksanakan serta pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional. Langkah-langkah di bawah Belanjawan 2024 juga akan memberikan dorongan tambahan kepada kegiatan ekonomi. Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan yang berpunca daripada permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan serta penurunan pengeluaran komoditi yang lebih besar dan berpanjangan. Sementara itu, kemungkinan pertumbuhan menjadi lebih tinggi berpunca terutamanya daripada aktiviti pelancongan yang lebih kukuh daripada

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

jangkaan, permintaan E&E yang pulih dengan lebih teguh serta pelaksanaan projek sedia ada dan projek baharu yang lebih pantas.

Seperti yang dijangka, inflasi keseluruhan dan inflasi teras telah menjadi sederhana disebabkan terutamanya oleh tekanan kos yang semakin reda. Pada suku ketiga, inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berpurata pada 2.0% dan 2.5%. Menjelang tahun 2024, inflasi dijangka kekal sederhana. Risiko kepada prospek inflasi terus sangat dipengaruhi oleh perubahan dasar dalam negeri mengenai subsidi dan kawalan harga serta perkembangan harga komoditi dan pasaran kewangan global. Yang penting, hasrat Kerajaan untuk mengkaji semula kawalan harga dan subsidi pada tahun 2024 akan mempengaruhi prospek keadaan inflasi dan permintaan.

Jangkaan persekitaran kadar faedah yang lebih tinggi untuk jangka masa yang lebih lama di AS serta kebimbangan yang meningkat berhubung dengan ketegangan geopolitik yang semakin meruncing telah menyumbang kepada nilai dolar AS yang terus kukuh. Keadaan ini telah mempengaruhi nilai mata wang negara maju dan negara sedang pesat membangun lain, termasuk ringgit. Walau bagaimanapun, perkembangan ini dijangka tidak menjejaskan prospek pertumbuhan Malaysia. Bank Negara Malaysia akan terus menguruskan risiko volatiliti yang ketara, termasuk menyediakan mudah tunai, bagi memastikan pasaran pertukaran asing domestik dapat berfungsi dengan teratur. Institusi kewangan terus beroperasi dengan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh, dengan keadaan kewangan domestik terus kondusif untuk pertumbuhan kredit yang berterusan.

Pada tahap OPR semasa, MPC berpandangan bahawa pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan konsisten dengan penilaian semasa berhubung dengan prospek pertumbuhan dan inflasi. MPC kekal berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. MPC akan memastikan bahawa pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil.

Tinjauan Makroekonomi

Dasar monetari yang lebih ketat akan menjejaskan pertumbuhan global

Pertumbuhan global diunjurkan menjadi sederhana sebelum beransur-ansur pulih pada separuh kedua tahun 2024

Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 2024. Impak daripada dasar monetari yang ketat dijangka meningkat pada suku-suku berikutnya, sebelum semakin berkurang menjelang separuh kedua tahun 2024. Inflasi global mungkin akan menjadi lebih sederhana, dengan harga komoditi menimbulkan risiko inflasi menjadi lebih tinggi yang jelas. Pertumbuhan di China akan berkurang pada tahun 2024, apabila sokongan daripada pembukaan semula ekonomi berkurang dan pasaran harta tanah terus lembap. Perdagangan global dijangka pulih secara beransur-ansur berikutan rintangan yang berlarutan daripada sekatan perdagangan dan peralihan yang berterusan daripada penggunaan barangan kepada penggunaan perkhidmatan.

Risiko pertumbuhan menjadi perlahan berpunca terutamanya daripada inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan, ketegangan geopolitik yang semakin meruncing dan keadaan pasaran kewangan yang menjadi ketat secara mendadak. Namun demikian, kemungkinan pertumbuhan global menjadi lebih tinggi boleh berpunca daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan terutamanya dalam ekonomi maju.

Ekonomi Malaysia semakin berkembang

Permintaan dalam negeri yang berdaya tahan akan menyokong pertumbuhan

Pada masa hadapan, pertumbuhan ekonomi Malaysia sebahagian besarnya akan didorong oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan, dengan sokongan daripada pemulihan eksport E&E. Perbelanjaan isi rumah akan disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan. Ketibaan dan perbelanjaan pelancong dijangka semakin bertambah baik. Selain itu, projek infrastruktur berbilang tahun yang terus dilaksanakan serta pelaksanaan inisiatif pemangkin akan menyokong aktiviti pelaburan. Langkah-langkah dalam Belanjawan 2024 juga akan memberikan dorongan tambahan kepada kegiatan ekonomi. Sementara itu, keadaan kewangan domestik kekal kondusif untuk mengekalkan pertumbuhan kredit apabila institusi kewangan terus beroperasi dengan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh.

Prospek pertumbuhan bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan disebabkan oleh permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan serta pengurangan pengeluaran komoditi yang lebih besar dan berpanjangan. Walau bagaimanapun, aktiviti pelancongan yang lebih kukuh daripada jangkaan, kitaran permintaan E&E yang kembali pulih dengan lebih teguh serta pelaksanaan projek yang lebih cepat memberikan prospek yang positif pada ekonomi Malaysia.

Tinjauan Makroekonomi

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal sederhana bagi baki tahun 2023

Inflasi keseluruhan dijangka berpurata antara 2.5 – 3.0% untuk tahun 2023 secara keseluruhan

Sejajar dengan jangkaan, inflasi keseluruhan dan inflasi teras terus mereda sepanjang tahun ini berikutan keadaan kos yang lebih sederhana. Keadaan ini dijangka berterusan bagi baki tahun 2023 berikutan momentum kenaikan harga yang sederhana. Secara keseluruhan, inflasi keseluruhan dijangka berpurata antara 2.5% hingga 3.0% pada tahun 2023.[1]

Menjelang tahun 2024, inflasi keseluruhan dan inflasi teras diunjurkan kekal sederhana kecuali berlaku kejutan kos yang selanjutnya. Walau bagaimanapun, risiko terhadap prospek inflasi terus bergantung pada perubahan terhadap dasar dalam negeri berhubung dengan subsidi dan kawalan harga, serta perkembangan harga komoditi dan pasaran kewangan global. Yang penting, hasrat Kerajaan untuk mengkaji semula kawalan harga dan subsidi pada tahun 2024 akan mempengaruhi prospek inflasi dan keadaan permintaan.

[1] Sumber: Tinjauan Ekonomi 2024, Kementerian Kewangan Malaysia.

Bahagian ini sengaja dibiarkan kosong

Tambahan

Jadual 1: KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2022 (%)	2022			2023		
		S3	S4	Tahun	S1	S2	S3
		Pertumbuhan tahunan (%)					
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	93.1	13.2	6.8	9.2	4.6	4.5	4.8
Sektor swasta	75.5	14.4	7.8	10.3	5.6	4.5	4.5
Penggunaan	*60.2*	*14.8*	*7.3*	*11.2*	*5.9*	*4.3*	*4.6*
Pelaburan	*15.3*	*13.2*	*10.3*	*7.2*	*4.7*	*5.1*	*4.5*
Sektor awam	17.6	7.9	3.9	4.7	-0.3	4.6	6.2
Penggunaan	*13.2*	*6.5*	*3.0*	*4.5*	*-2.2*	*3.8*	*5.8*
Pelaburan	*4.4*	*13.1*	*6.0*	*5.3*	*5.7*	*7.9*	*7.5*
Eksport Bersih	5.5	26.2	23.0	-1.0	54.4	-3.7	-22.7
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*74.6*	*21.5*	*8.6*	*14.5*	*-3.3*	*-9.4*	*-12.0*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*69.1*	*21.1*	*7.2*	*15.9*	*-6.5*	*-9.7*	*-11.1*
KDNK Benar	**100.0**	**14.1**	**7.1**	**8.7**	**5.6**	**2.9**	**3.3**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**2.2**	**-1.7**	**-**	**0.9**	**1.5**	**2.6**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2022 (%)	2022		2023		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Pertumbuhan tahunan (%)				
Perkhidmatan	58.3	16.7	9.1	7.3	4.7	5.0
Perkilangan	24.1	13.1	3.9	3.2	0.1	-0.1
Pertanian	6.6	1.2	1.1	1.0	-1.0	0.8
Perlombongan	6.4	9.1	6.3	2.4	-2.3	-0.1
Pembinaan	3.5	15.3	10.1	7.4	6.2	7.2
KDNK Benar	**100.0**	**14.1**	**7.1**	**5.6**	**2.9**	**3.3**

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Tambahan

Jadual 3: Imbangan Pembayaran[1]

	2022		2023		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Akaun semasa	**19.0**	**27.5**	**4.3**	**9.1**	**9.1**
(% daripada KDNK)	*4.2*	*5.9*	*1.0*	*2.1*	*2.0*
Barangan	47.3	57.7	39.9	29.5	32.7
Perkhidmatan	-11.2	-12.1	-12.8	-11.3	-10.3
Pendapatan primer	-14.3	-11.6	-16.9	-6.3	-11.0
Pendapatan sekunder	-2.8	-6.5	-5.9	-2.8	-2.2
Akaun kewangan	**-17.5**	**-1.1**	**-2.4**	**-11.6**	**14.9**
Pelaburan langsung	-0.9	-9.3	10.9	-4.9	-6.1
Aset	-18.3	-24.1	-2.5	-9.8	-13.3
Liabiliti	17.4	14.8	13.4	4.9	7.2
Pelaburan Portfolio	0.5	-26.7	-33.3	8.1	-14.1
Aset	2.6	-15.0	-16.3	-10.1	-15.4
Liabiliti	-2.1	-11.7	-17.0	18.3	1.3
Derivatif kewangan	-0.4	-1.7	-0.9	0.3	0.5
Pelaburan lain	-16.5	36.6	20.9	-15.1	34.6
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	**11.9**	**-3.8**	**-7.6**	**-9.9**	**-16.3**
Imbangan Keseluruhan	**13.2**	**22.5**	**-5.7**	**-12.4**	**7.7**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada rizab penilaian semula. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Tambahan

Jadual 4: Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2022	2023	
	Akhir Sep	Akhir Jun	Akhir Sep
	RM bilion		
Jumlah Hutang Luar Negeri	**1,169.6**	**1,213.1**	**1,252.0**
Bersamaan USD bilion	252.2	258.9	267.0
Mengikut instrumen			
Bon dan nota	194.7	175.8	175.6
Peminjaman antara bank	221.3	216.4	238.4
Pinjaman antara syarikat berkaitan	155.7	173.2	185.2
Pinjaman	75.0	80.8	82.7
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	254.3	267.9	269.7
Deposit bukan pemastautin	111.4	134.3	138.9
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF	28.6	30.2	29.7
Lain-lain	128.4	134.5	131.7
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	684.0	706.6	722.5
Jangka pendek	485.6	506.5	529.5
Denominasi mata wang			
Ringgit	377.2	405.5	410.0
Asing	792.4	807.6	842.0
Jumlah hutang / KDNK (%)	**66.9**	**67.1**	**69.0**
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	**41.5**	**41.8**	**42.3**
Rizab / Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	**1.0**	**1.0**	**1.0**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Tambahan

Jadual 5: Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

	2022	2023		2022	2023	
	S3	S2	S3	S3	S2	S3
	Akhir tempoh (RM bilion)			Perubahan tahunan (%)		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]	**2,579.5**	**2,647.0**	**2,688.5**	**5.3**	**3.7**	**4.2**
Bon korporat terkumpul[2]	542.9	561.5	570.2	4.0	4.9	5.0
Pinjaman terkumpul[3,4]	2,036.6	2,085.5	2,118.4	5.7	3.4	4.0
Perniagaan	744.7	747.6	756.4	4.7	0.5	1.6
PKS	*349.7*	*367.0*	*373.2*	*6.1*	*6.4*	*6.7*
Bukan PKS	*391.1*	*376.9*	*379.6*	*3.6*	*-4.3*	*-2.9*
Isi rumah	1,291.9	1,388.0	1,361.9	6.2	5.1	5.4
Kredit kepada Perniagaan[5]	1,287.6	1,309.1	1,326.6	4.4	2.3	3.0

[1] Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.
[2] Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam, serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.
[3] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[4] Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursa.
[5] Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tambahan

Jadual 6: Penunjuk Pinjaman[1]

	2022	2023		2022	2023	
	S3	S2	S3	S3	S2	S3
	Dalam tempoh (RM bilion)			Perubahan tahunan (%)		
Jumlah Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]						
Permohonan pinjaman	402.0	371.0	419.5	53.3	2.6	4.4
Kelulusan pinjaman	218.3	190.9	215.0	63.3	6.2	-1.5
Pengeluaran pinjaman	519.9	525.0	561.3	23.5	-1.8	8.0
Bayaran balik pinjaman	530.4	526.3	552.0	26.7	-1.0	4.1
Antaranya:						
Perniagaan[3]						
Permohonan pinjaman	173.8	139.4	182.0	49.5	2.8	4.7
Kelulusan pinjaman	114.5	85.3	105.8	48.8	6.8	-7.6
Pengeluaran pinjaman	402.2	400.9	426.5	17.8	-5.6	6.0
Bayaran balik pinjaman	417.4	404.2	426.9	24.0	-4.3	2.3
PKS						
Permohonan pinjaman	84.7	81.9	106.9	48.7	7.6	26.3
Kelulusan pinjaman	49.1	46.2	51.9	60.1	18.1	5.8
Pengeluaran pinjaman	125.9	128.8	133.1	33.6	2.6	5.7
Bayaran balik pinjaman	124.7	122.5	130.2	34.2	-1.1	4.4
Bukan PKS						
Permohonan pinjaman	88.0	57.4	74.9	48.9	-3.3	-14.9
Kelulusan pinjaman	65.1	39.1	52.9	40.8	-4.0	-18.8
Pengeluaran pinjaman	274.9	270.9	292.3	11.5	-8.9	6.4
Bayaran balik pinjaman	291.1	279.8	295.6	20.0	-6.0	1.5
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	228.2	231.7	237.6	56.3	2.5	4.1
Kelulusan pinjaman	103.8	105.6	109.2	82.8	5.7	5.3
Pengeluaran pinjaman	117.8	124.1	134.8	48.1	12.8	14.5
Bayaran balik pinjaman	113.0	122.1	125.1	37.6	12.0	10.7

[1] Pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[2] Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul, dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[3] Angka-angka bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi jumlah angka bagi perniagaan berikutan perniagaan yang tidak dikelaskan mengikut saiz syarikat turut dimasukkan dalam pengiraan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tambahan

Jadual 7: Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan

	2022	2023		2022	2023	
	S3	S2	S3[a]	S3	S2	S3[a]
	%			Pertumbuhan tahunan (mata peratusan)		
Pulangan atas ekuiti[1]	12.4	11.6	11.5	2.9	-0.2	-0.9
Pulangan atas aset[1]	1.4	1.3	1.3	0.29	-0.03	-0.11
	RM juta			Pertumbuhan tahunan (%)		
Pendapatan faedah bersih[1]	16,280	14,676	14,789	18.7	-5.2	-9.2
Campur: Pendapatan berasaskan fi[1]	2,925	3,015	3,152	2.2	6.4	7.8
Tolak: Kos operasi[2]	9,995	10,809	10,745	13.9	17.1	7.5
Keuntungan operasi kasar	9,210	6,882	7,197	18.1	-24.2	-21.9
Tolak: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain	1,657	836	923	-38.4	-8.1	-44.3
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	7,553	6,045	6,274	47.9	-26.0	-16.9
Campur: Pendapatan lain[1]	4,554	5,155	4,169	70.1	66.9	-8.5
Untung sebelum cukai[1]	**12,107**	**11,200**	**10,442**	**55.5**	**-0.5**	**-13.7**

[a] Awalan
[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% dan 10.7%.
[2] Merujuk kos kakitangan dan overhed.
[3] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2022	2023		2022	2023	
	S3	S2	S3[a]	S3	S2	S3[a]
	RM juta			Pertumbuhan tahunan (%)[2]		
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1]	-27	1,045	798	-101.5	123.8	3,108.2
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	955	902	863	3.0	19.7	-9.7
Nisbah tuntutan (%)	52	57	58	0.0	-7.4	6.0

[a] Awalan
[1] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan ITO dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[2] Merujuk mata peratusan bagi pertumbuhan tahunan nisbah tuntutan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tambahan

Jadual 9: Kewangan Kerajaan Persekutuan[1]

	2022		2023		
	S3	S4	S1	S2	S3[a]
	RM bilion				
Hasil	83.3	86.8	76.2	72.2	77.9
Pertumbuhan tahunan (%)	*61.7*	*14.3*	*21.5*	*17.3*	*-6.5*
Perbelanjaan mengurus	69.2	93.7	66.6	77.2	69.7
Pertumbuhan tahunan (%)	*36.5*	*47.8*	*3.1*	*18.4*	*0.8*
Akaun semasa	**14.1**	**-7.0**	**9.6**	**-5.0**	**8.1**
Perbelanjaan pembangunan bersih	15.6	24.7	26.2	17.9	19.6
Pertumbuhan tahunan (%)	*-29.5*	*86.0*	*57.7*	*33.6*	*25.9*
Kumpulan Wang COVID-19[2]	5.6	15.9	0.0	0.0	0.0
Imbangan keseluruhan	**-7.1**	**-47.6**	**-16.6**	**-22.9**	**-11.5**
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	90.3	134.3	92.8	95.1	89.3
Pertumbuhan tahunan (%)	*16.1*	*47.7*	*7.2*	*15.0*	*-1.1*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	1074.8	1079.6	1120.4	1145.0	1156.7
Hutang Dalam Negeri	808.3	821.5	849.3	863.5	875.0
Hutang Luar Negeri	266.5	258.1	271.2	281.5	281.7
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*241.0*	*233.1*	*246.2*	*255.9*	*256.5*
Peminjaman luar pesisir	*25.4*	*25.0*	*24.9*	*25.6*	*25.2*

[a] Awalan

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

[2] Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia